

23 SEP 1999

KAWALAN-JEPUN

JEPUN KINI BOLEH GUNA KAWALAN MODAL SEBAGAI DASAR EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Jepun kini boleh menggunakan idea kawalan modal sebagai dasar ekonomi mereka berikutan pengesahan oleh Bank Dunia terhadap kawalan modal sedemikian baru-baru ini, demikian menurut Asia Times Online.

Pengesahan itu berikutan penarikan balik tentangan bank berkenaan terhadap penggunaan langkah-langkah tukaran modal berpilih oleh Malaysia.

Dengan pengesahan ini, ia bermakna masyarakat kewangan antarabangsa tidak lagi menganggap kawalan modal dan Perdana Menteri Malaysia sebagai "pantang larang".

Sejak langkah kawalan modal diterima sebagai senjata berasaskan undang-undang untuk dasar ekonomi oleh kebijaksanaan konvensional, ia kini boleh digunakan oleh negara-negara Asean yang belum dan tidak boleh menyelesaikan masalah-masalah struktural mereka tanpa mengganggu masyarakat sejagat, kata Asia Times.

"Maksud kami, tentunya, masyarakat Jepun," kata Asia Times dalam artikelnya yang bertarikh 21 Sept. Ia dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini hari ini.

Asia Times berkata Jepun telahpun bercadang untuk menggunakan kawalan modal, dan telahpun menggunakannya secara tidak formal.

"Tetapi Jepun, sebagai anggota piagam kebijaksanaan konvensional komuniti kewangan antarabangsa, tidak pernah melaksanakannya secara rasmi ataupun mengesahkannya," jelas majalah itu lagi.

Memandangkan "pantang larang" terhadap kawalan modal telahpun dihapuskan, Jepun boleh menggunakannya sebagai "senjata" konvensional, kata Asia Times, sambil menambah: "Begitu juga negara-negara Asean yang lain".

Asia Times berkata dalam tempoh jangka panjang, perubahan persepsi oleh komuniti kewangan antarabangsa terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga boleh berlaku kepada idea-ideanya yang lain.

"Paling penting ialah gagasan mengenai blok Asia serantau, tidak termasuk Amerika Syarikat, dan berasaskan yen dan Jepun, dengan kawalan modal sebagai "senjata" pengurusan rantauan.

"Tiada satu daripada keputusan itu dirancang oleh Bank Dunia atau Tabung Matawang Antarabangsa (yang juga telah memperakukan kawalan modal Malaysia), tetapi kedua-duanya adalah hasil daripada akibat yang tidak dirancang itu," kata Asia Times.

Ia menambah untuk kebanyakan mereka di Jepun, yang secara senyap-senyap bersetuju dengan idea Dr Mahathir, perubahan perspektif komuniti ekonomi antarabangsa akan membuka lebih banyak lagi idea-idea untuk blok ekonomi Asia Timur.

"Oleh yang demikian, Bank Dunia dan IMF telahpun menyerahkan perundangan Asia untuk pembentukan blok serantau, bukan dicipta hanya untuk memudahkan perdagangan antara blok tetapi mengujudkan badan perundangan serantau bagi menguruskan kemasukan modal keluar dan masuk di dalam blok berkenaan," katanya. -- BERNAMA

AD AA OS